

# Cerita Allah

## Permulaan yang sempurna

- Allah mencipta dunia dan juga manusia pertama: Adam dan Hawa
- Dia meletakkan mereka di firdaus: Taman Eden. Mereka diberikan kebebasan untuk memakan buah-buahan daripada setiap pokok di dalam Taman Eden kecuali buah pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Allah memberikan amaran kepada mereka, "Jika kalian makan buah daripada pokok itu, kalian tentu akan mati."
- Segalanya sempurna: tiada kematian, tiada aib. Mereka akan hidup selama-lamanya.

## Dosa dan aib masuk ke dunia

- Syaitan datang kepada Hawa dan mengumpam dia → Hawa dan Adam makan buah yang terlarang itu
- Dengan segera mereka berasa takut dan malu kerana mereka menyedari mereka bogel.  
→ mereka menutup diri dengan daun-daun dan menyembunyikan diri daripada Tuhan Allah
- Tuhan Allah menghukumi mereka kerana mereka mengingkari Dia: Kemudiannya mereka diusir dari Taman Eden dan tidak boleh hidup untuk selama-lamanya lagi.
- Yang Amat Menarik: Walaupun Adam dan Hawa tidak berdosa "besar" -> Akibatnya: Hukuman berat dijatuhkan, kematian dan juga hubungan dengan Tuhan Allah diputuskan
- Kebarangkalian mereka adalah insan yang baik dan telah melakukan banyak kebaikan, tetapi dosa mereka tetap lebih berat daripada kebaikan mereka.

## Penebusan dosa dan aib: pakaian baru dan penyelamat dijanjikan

- Allah masih lagi menyayangi mereka dan telah melakukan sesuatu yang amat menarik: Dia menukar baju daun mereka dan memberikan mereka baju kulit haiwan.  
Maknanya: Seekor binatang perlu dikorbankan untuk menebus dosa dan aib Adam dan Hawa.
- Pengorbanan pertama ini diberikan oleh Allah. Berikut itu, nabi-nabi turut memberikan pengorbanan: Kain dan Habel (Cain and Abel), Nuh (Noah), Ibrahim (Abraham), Musa (Moses), Daud (David), ...
- Allah menghakimi si Syaitan juga: Dia menjanjikan seorang Penyelamat yang berketurunan kaum wanita. Penyelamat ini yang akan menewaskan Syaitan
- Nabi-nabi kemudian meramalkan ketibaan Penyelamat yang akan menebus dosa dunia ini.

## Isa Masihi

- Isa juga digelar Kalimah Allah (Firman Allah), dilahirkan oleh Mariam dara Perawan (Mary)
- Penuh dengan kasih untuk semua orang, tidak pernah berdosa, tidak pernah membunuh seseapa, tidak pernah mengumpul sebarang kekayaan untuk dirinya sendiri
- Keajaiban besar: memulihkan orang sakit, mengusirkan roh-roh jahat, membangkitkan semula orang mati
- Yang Amat Menarik: Sejak awal lagi, Isa telah menubuat: "Saya harus mati, tetapi saya akan bangkit semula."
- Nabi Yahya (John) nampak Dia lalu berkata: "Lihatlah, Anak Domba Allah yang menebus dosa dunia!" – Apakah itu tidak menarik? Seekor domba digunakan sebagai korban.

## Pengorbanan untuk kita

- Walaupun orang-orang Yahudi dan Roman hendak merotan dan menyalibkan Isa, Dia tidak menentang balik. Akibatnya, dia disalibkan: Dia adalah pengorbanan Allah untuk menebus dosa-dosa kita.
- Sebelum Dia mati: Dia meneriak dengan kuat, "Sudah selesai" → Sekarang, hutang dosa sudah dibayar
- Allah membangkitkan Dia selepas tiga hari seperti yang telah dijanjikan → ramai orang ternampak Dia. Kemudian, Dia diangkat ke Syurga. Suatu hari nanti, Dia akan kembali untuk mengadili kaum manusia.
- Bila kita percaya bahawa Isa telah menebus dosa kita melalui pengorbanan Dia dan Allah telah membangkitkan Dia semula daripada kematian, dosa kita akan diampunkan.
- *Beginilah dosa kita boleh diampunkan dan bagaimana kita boleh memulakan hubungan dengan Allah.*

## Roh Kudus

- Dulu, cuma beberapa orang sahaja (Musa, Daud, Isa,...) yang ada Roh Kudus: Kerana itu mereka boleh berkomunikasi secara terus dengan Allah. Mereka juga boleh melakukan mukzijat.
- Tetapi sekarang Allah hendak memberikan hadiah ini kepada semua yang menghendakkan hidah Roh Kudus ini
- Hanya dengan kebolehan diri kita sendiri, kita tidak boleh membuat semua yang Allah mahu. Kita akan gagal berkali-kali.
- Roh Kudus umpsama kuasa Allah dan membantu kita: Mengajari kita kehendak Allah, membantu kita menjadi orang beriman dan melawan Iblis

## **Apakah ini tidak menarik perhatian?**

- Adam dan Hawa dihukum mati walaupun berdosa hanya sekali sahaja.
- Allah menukarkan pakaian mereka.
- Isa digelar “Anak Dompa Allah.”
- Isa menubuat kematian dirinya sendiri.

### **Doa menerima Isa sebagai Penyelamat:**

- Allah, saya datang kepada Engkau. Yesus, saya mempercayai Engkau.
- Saya sedar bahawa saya tidak hidup mengikut kehendak Engkau dan saya ingin bertaubat. Maafkanlah saya.
- Yesus, terima kasih atas pengorbanan Engkau untuk saya. Saya menerima pengorbanan Engkau, Penyelamatku dan Tuhanmu
- Saya memberi hidup saya kepada Engkau. Penuhilah saya dengan Roh KudusMu dan bantulah saya untuk hidup mengikut kehendakMu.

### **Balasan saya terhadap pemberian Allah**

Apakah saya sudah menerima pemberian Dia?  
 Ya    Tidak

Apakah saya pasti saya telah menerima hidup yang kekal?  
 Ya    Tidak

Apakah saya pasti bahawa saya telah menerima Roh Kudus?  
 Ya    Tidak

### *Sijil kelahiran rohani saya:*

Pada \_\_\_\_\_ (tarikh) saya telah menerima pemberian Allah. Saya telah menerima Tuhan Yesus sebagai Penyelamat dan Korban supaya dosa saya boleh diampunkan. Saya telah memberikan hidup saya kepada Dia, menerima Roh Kudus dan hidup mengikut kehendak Allah.